

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 MARCH 2015



Putrajaya: Syarikat Air Melaka Berh;i (SAMB) dan Syarikat Air hegeri Sembilan Sdn Bhd (SA NS) semalam memeterai Perianjian Tambahan Bekalan Aix Terawat bagi membantu mengatasi masalah kekurangan air bersih di Negeri Sembilan.

Majlis pemeteraian peijan-jian itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Peijanjian itu ditandatangani Ketua Pegawai Eksekutif SAMB, Datuk Mohd Khalid Nasir dan Pengarah SAINS, Wan Rasdi Wan Ismail. Turut hadir, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk

Seri Mohamad Hasan.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Idris berkata menerusi peijanjian itu, SAMB akan membekalkan kepada SAINS maksimum 5,000 meter padu atau **11** juta gelen air sehari kepada 5,000 akaun (pengguna) di Tampin dan 100 akaun di Batang Melaka.

"Tempoh pembekalan air terawat ini ialah daripada 1 Mac 2015 hingga 1 Jun 2015 dengan kadar bayaran yang diperse-tujui iaitu RMi.40 bagi setiap kiub meter padu air.

"Bekalan itu terhad kepada SAINS sahaja dan tertakluk kepada lebih air yang ada selepas keperluan air di Melaka dipenuhi. Air terawat akan di-

bekalkan melalui Loji Gadek, manakala air mentah diper-oleh dari Empangan Jus.

"Bekalan air terawat ke da-erah Tampin bergantung ke-pada paras minimum Kolan Bukit Tiga yang ditetapkan empat meter. Sekiranya paras itu susut kurang daripada empat meter, bekalan akan di-hentikan," katanya pada si-dang media di Perdana Putra, di sini, semalam.

Bergantung kelulusan SPAN
Beliau berkata, perjanjian pem-bekalan itu juga bergantung ke-pada arahan dan kelulusan Su-ruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) kerana proses berkenaan memabitkan pem-

bekalan air antara negeri.

Katanya, SAMB dan SAINS ju-ga bersetuju bahawa selain da-ripada terma dan syarat dalam Peijanjian Tambahan itu, ter-ma dan syarat dalam Peijanjian Utama masih berkuat kuasa.

Pada masa sama, beliau ber-kata, Melaka masih menerima bekalan air mentah dari Johor yang mencecah 35 juta gelen air sehari.

"Air dari Johor adalah air mentah, manakala air yang disalurkan ke Negeri Sembilan adalah air terawat. Tiada titik penyambungan antara air mentah yang kita terima dari Johor dan air terawat yang disalurkan ke Negeri Sembilan," katanya.